

NAMA: TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
TAHUN 2021

MODUL 1
PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
DUA JAM TIGA PULUH MINIT

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Modul ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.
3. Tulis jawapan anda pada kertas lejar, jurnal dan helaian tambahan yang disediakan dalam kertas modul ini
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
6. **Tunjukkan kerja mengira.** Ini membantu anda mendapatkan markah.
7. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
8. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Bahagian A
[60 markah]
Jawab **semua** soalan

- 1 (a) Nyatakan klasifikasi akaun yang betul sama ada aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil atau belanja bagi item yang berikut.

	Item	Klasifikasi Akaun
(i)	Gadai janji	
(ii)	Deposit air	

[2 markah]

- (b) Nyatakah jurnal khas yang terlibat bagi urus niaga Perniagaan Sentosa.

	Urus Niaga	Jenis Jurnal
(i)	Hantar nota debit kepada Sayugia Enterprise bernilai RM300 kerana kesilapan catatan di dalam invoice.	
(ii)	Terima nota kredit daripada Joshua Tan pada harga senarai RM520 kerana memulangkan barang niaga yang rosak.	

[2 markah]

- (c) Berikut adalah rumus Persamaan Perakaunan.

$$\text{Aset} = \text{Liabiliti} + \text{P} + \text{Q} - \text{Belanja}$$

Apakah **P** dan **Q**?

[2 markah]

- (d) Nyatakan **dua** kelebihan perubahan entiti milikan tunggal kepada perniagaan perkongsian.

[2 markah]

(e) Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Jayamas Group Berhad.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
300 000 unit 8% Syer Keutamaan	RM450 000
550 000 unit Syer Biasa	RM550 000

Pada akhir tahun kewangan, Lembaga Pengarah bersetuju mengisytiharkan pembayaran dividen kepada pemegang Syer Keutamaan dan 5% kepada pemegang Syer Biasa.

Hitung jumlah dividen akhir.

[2 markah]

- 2 Puan Daisy menjalankan perniagaan Daisy Enterprise di Saujana Palace, Bandar Baru, Bedong, Kedah. Berikut ialah Imbangan Duga perniagaannya pada 30 Jun 2021.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2021		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Premis (kos)	116 000	
Kenderaan (kos)	40 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		5 280
Lengkapan (kos)	18 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		1 000
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	9 600	5 890
Pinjaman		20 000
Bank	1 613	
Tunai	1 160	
Inventori pada 1 Julai 2020	13 250	
Belian dan Jualan	75 678	180 889
Pulangan-pulangan	1 255	597
Angkutan masuk	300	
Insurans kedai	1 200	
Gaji	10 800	
Modal pada 1 Julai 2020		72 182
Komisen		3 900
Diskaun	664	
Sewa		6 400
Peruntukan hutang ragu		450
Ambilan	3 000	
Faedah atas Pinjaman	2 100	
Hutang lapuk	600	
Utiliti	1 368	
	<u>296 588</u>	<u>296 588</u>

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori akhir pada 30 Jun 2021:

	Produk		Jumlah
	A RM	B RM	RM
Harga Kos	10 345	3 457	13 802
Harga Pasaran	12 450	3 260	15 710

- (ii) Bil elektrik bulan Jun berjumlah RM189 masih belum dijelaskan.
- (iii) Sebahagian premis disewakan RM800 sebulan mulai 1 Januari 2021.
- (iv) En. Din, seorang pelanggan, telah meninggal dunia dan hutangnya berjumlah RM160 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (v) Pn. Daisy telah mengambil barang niaga RM500 untuk tujuan promosi.
- (vi) Kadar susut nilai adalah seperti berikut:
- Kenderaan 20% setahun atas kos.
 - Lengkapan 15% setahun atas nilai buku.
- (vii) Nota debit RM3 240 dikeluarkan kepada Lily Trading terlupa direkodkan.
- (viii) Peruntukan hutang ragu dikekalkan 2.5% atas baki Akaun Belum Terima.
- (ix) Faedah atas pinjaman 5% setahun dikira berdasarkan pinjaman pokok RM40 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [14 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021. [11 markah]

- 3 Butir-butir yang berikut diambil daripada buku-buku Kelab Kebudayaan Seroja pada 31 Disember 2020.

<u>Penerimaan</u>	<u>RM</u>	<u>Pembayaran</u>	<u>RM</u>
Yuran ahli	3 600	Alat tulis	250
Yuran masuk	300	Kadar bayaran	1 300
Kutipan Malam Kebudayaan	5 000	Belian kafe	2 400
Derma	10 000	Majalah	210
Jualan kafe	22 180	Upah pekerja kafe	2 300
		Akaun Belum Bayar	13 100
		Belanja Malam Kebudayaan	2 350
		Peralatan kesenian	1 400

Maklumat Tambahan:

- (i) Baki-baki yang berikut didapati daripada buku-buku kelab tersebut.

	<u>1 Januari 2020</u>	<u>31 Disember 2020</u>
	RM	RM
Yuran Belum Terima	210	190
Yuran Belum Terperoleh	195	240
Premis kelab	90 000	90 000
Akaun Belum Bayar	1 400	2 100
Peralatan kesenian	6 800	7 550
Inventori alat tulis	-	65
Kadar bayaran Prabayar	90	-
Inventori kafe	1 700	2 300
Majalah Belum Bayar	90	70
Bank	5 700	?
Simpanan Tetap	20 000	20 000

- (ii) Derma yang diterima akan digunakan untuk mengubah suai bilik untuk dijadikan studio tarian.
- (iii) Pulangan belian barangan kafe RM130 belum direkod.
- (iv) 40% daripada kadar bayaran merupakan belanja kafe.
- (v) Faedah atas simpanan tetap ialah 4.5% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli. [4 markah]
- (b) Penyata mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2020. [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan Kafeteria bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. [7 markah]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. [11 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab 2 soalan sahaja

- 4 Encik Hambali adalah pemilik Pasar Mini Hambali. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Berikut ialah maklumat perakaunan yang diambil daripada buku-buku perniagaannya pada 30 April 2021:

	1 Mei 2020	30 April 2021
Kenderaan	-	45 000
Lengkapan kedai	28 500	32 200
Inventori	4 575	8 982
Akaun Belum Terima	4 303	5 720
Bank	33 555	?
Komisen Belum Terima	-	560
Akaun Belum Bayar	4 320	3 965
Pinjaman		45 000

Ringkasan Akaun Bank pada 30 April 2021 adalah seperti berikut:

Penerimaan :	RM
Jualan	30 594
Lengkapan kedai	2 560
Komisen	753
Akaun Belum Terima	16 862

Pembayaran :	RM
Belian	6 565
Kadar bayaran	660
Belanja am	754
Insurans	1 500
Sewa	10 800
Gaji	12 000
Akaun Belum Bayar	13 300
Lengkapan kedai	8 500
Alam Jaya Enterprise (cek tak laku)	800

Maklumat tambahan:

- i. Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh setahun mulai 1 Jun 2020.
- ii. Peruntukan hutang ragu diwujudkan 5% atas baki Akaun Belum Terima.
- iii. Perkara-perkara berikut **belum direkodkan** dalam mana-mana buku:
 - Wang daripada jualan tunai RM190 telah digunakan untuk bayaran insurans perubatan Encik Hambali.
 - Satu nota kredit diterima daripada seorang pembekal pada 30 April 2021 bernilai RM319.
- iv. Kenderaan dibeli pada 30 April 2021 melalui pinjaman bank RM45 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima. [4 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar. [5 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2021. [11 markah]

- 5 Maklumat di bawah diperoleh daripada Kedai Saleema yang menjalankan perniagaan di Alor Setar, Kedah. Perniagaan ini mempunyai lima orang pekerja dan bercadang untuk menambah dua orang pekerja pada bulan Februari 2022.

- (i) Anggaran baki pada 1 Januari 2022:

	RM
Tunai di bank	22 000
Tunai di tangan	3 000
Peralatan	18 000
Kenderaan	10 000
Akaun Belum Bayar	9 000

Anggaran penerimaan dan pembayaran perniagaan tersebut bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2022 adalah seperti berikut:

- (ii) Anggaran jualan dan belian:

Bulan	Belian (RM)	Jualan (RM)
Januari	50 000	70 000
Februari	55 000	90 000
Mac	64 800	115 000

- (iii) 80% daripada belian adalah secara tunai manakala bakinya akan dibayar pada bulan berikut.
- (iv) Semua jualan adalah secara tunai.
- (v) Sebuah kenderaan berharga RM7 760 akan dibeli pada bulan Februari 2022. Deposit sebanyak 20% akan dibayar pada bulan tersebut dan bakinya akan dijelaskan dalam empat bayaran ansuran mulai bulan Mac 2022.
- (vi) Gaji bulanan pekerja ialah RM1 200 seorang dan dibayar pada setiap akhir bulan.
- (vii) Anggaran pelbagai belanja bulanan ialah RM3 950.

(vii) Anggaran komisen yang diterima daripada pembekal adalah seperti berikut:

Bulan	Komisen diterima (RM)
Januari	200
Februari	300
Mac	500

Anda dikehendaki:

(a) Menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2022.
(tunjukkan lebihan/kurangan). **(Guna LAMPIRAN 1)** [18 markah]

(b) Berikan **dua** kepentingan Belanjawan Tunai. [2 markah]

Bulan	Belanja (RM)	Jualan (RM)
Januari	50 000	75 000
Februari	55 000	80 000
Mac	65 000	115 000

6 (a) Berikut adalah Penyata Kewangan Syarikat Intan Berhad.

Syarikat Intan Berhad
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021

	RM
Jualan	148 000
Tolak: Kos Jualan	89 000
Untung Kasar	59 000
+ Hasil	22 300
	81 300
Tolak : belanja	43 500
Untung Bersih	15 500

Syarikat Intan Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2021

	RM	RM
<u>Aset</u>		
Premis		135 000
Inventori		4 200
Akaun Belum Terima		5 400
Lain-lain Aset Semasa		3 000
		147 600
<u>Liabiliti</u>		
Bank		1 100
Akaun Belum Bayar		2 800
Lain-lain Liabiliti Semasa		900
<u>Ekuiti pemilik</u>		
Modal awal	127 300	
Tambah: Untung bersih	15 500	142 800
		147 600

Maklumat daripada Syarikat Delima Bhd. dalam industri yang sama adalah seperti berikut:

Peratus untung kasar atas kos jualan	58.71%
Nisbah Semasa	1.72: 1
Pulangan atas modal	14.31%

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung nisbah berikut bagi Syarikat Intan Berhad (Beri jawapan pada dua tempat perpuluhan)
- Tokokan [2 markah]
 - Pulangan atas modal [2 markah]
 - Nisbah semasa [2 markah]
- (ii) Sekiranya anda ingin membuat pelaburan, syarikat manakah yang akan anda pilih? Beri alasan anda. [2 markah]
- (iii) Perniagaan yang manakah lebih baik kedudukannya untuk membayar liabiliti dalam jangka pendek? Beri alasan anda. [2 markah]
- (b) Kilang Bergaya Sakan merupakan pengeluar pakaian sekolah. Berikut ialah maklumat pengeluaran kilang tersebut.

Paras Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Hasil (RM)
0	35 000	0
2 000	81 000	146 000
4 000	127 000	292 000

Kos Tetap diandaikan malar.

Berdasarkan maklumat di atas, **anda dikehendaki:**

- (i) Menghitung :
- Kos Berubah Seunit [2 markah]
 - Harga Jualan Seunit [1 markah]
 - Titik Pulang modal [2 markah]
- (ii) Melakarkan Graf Titik Pulang Modal dengan melabelkan:
- Garisan Kos Tetap
 - Garisan Jumlah Kos
 - Garisan Jumlah Hasil
 - Titik Pulang Modal [5 markah]

TAMAT